



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN PERTAMA 2026**

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Malaysia terus mencatatkan peningkatan 2.1 peratus pada suku tahun pertama 2026

PUTRAJAYA, 7 MEI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP), Suku Tahun Pertama 2026**, yang mengukur perubahan harga pengeluar dalam sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia. IHPRP terus meningkat 2.1 peratus pada suku tahun pertama 2026, berbanding peningkatan 1.0 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan dalam kenyataannya, “Indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman meningkat 5.7 peratus, selepas peningkatan 3.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh indeks Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak (5.2%) dan Aktiviti perkhidmatan minuman (3.1%). Indeks Pengangkutan meningkat 3.8 peratus, berbanding 2.2 peratus pada suku tahun sebelumnya, disumbangkan terutamanya oleh indeks Pengangkutan penumpang udara yang meningkat 6.4 peratus. Indeks Pendidikan turut meningkat 1.9 peratus selepas peningkatan 1.5 peratus pada suku tahun sebelumnya disebabkan oleh Pendidikan menengah (1.7%) dan Pendidikan tinggi (1.5%). Indeks lain yang mencatatkan peningkatan adalah Kesenian, hiburan & rekreasi (1.6%), Kesihatan (1.5%), Profesional (1.0%) dan Aktiviti hartanah (0.6%).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Sementara itu, indeks Maklumat & komunikasi mencatatkan peningkatan marginal 0.1 peratus, berbanding penurunan 0.1 peratus pada suku tahun keempat 2025, disebabkan oleh indeks Pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan (0.8%).”

Ketua Perangkawan Malaysia mengulas lanjut, “Pada asas suku tahunan, IHPRP meningkat 1.4 peratus, daripada peningkatan 0.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh indeks Kesenian, hiburan & rekreasi (6.3%) dan Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan &

minuman (3.5%). Selain itu, indeks lain yang menunjukkan peningkatan adalah Pengangkutan (1.6%), Pendidikan (1.1%), Kesihatan (1.0%) dan Profesional (0.8%). Sementara itu, indeks Aktiviti hartanah dan Maklumat & komunikasi masing-masing mencatatkan peningkatan perlahan sebanyak 0.4 peratus dan 0.2 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan, Suku Tahun Pertama 2026

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)	
	ST1 2025	ST4 2025	ST1 2026	ST1 2026/ ST4 2025	ST1 2026/ ST1 2025
JUMLAH	116.5	117.3	119.0	1.4	2.1
Pengangkutan	107.8	110.1	111.9	1.6	3.8
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman	158.9	162.3	167.9	3.5	5.7
Maklumat & komunikasi	101.0	100.9	101.1	0.2	0.1
Aktiviti hartanah	127.8	128.1	128.6	0.4	0.6
Profesional	105.1	105.4	106.2	0.8	1.0
Pendidikan	120.1	121.1	122.4	1.1	1.9
Kesihatan	108.6	109.1	110.2	1.0	1.5
Kesenian, hiburan & rekreasi	116.0	110.8	117.8	6.3	1.6

Carta 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahunan, ST1 2023 – ST1 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
7 MEI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, MALAYSIA FIRST QUARTER 2026

Malaysia's Services Producer Price Index continues to record a 2.1 per cent increase in the first quarter of 2026

PUTRAJAYA, MAY 7th, 2026 – The Department of Statistics, Malaysia today released a report of the **Services Producer Price Index (SPPI), First Quarter 2026**, which measures changes in producer prices within Malaysia's domestic services sector. The SPPI continued to increase by 2.1 per cent in the first quarter of 2026, up from 1.0 per cent in the previous quarter.

In a statement, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, stated, "The Accommodation and food & beverage service activities index rose by 5.7 per cent, following a 3.1 per cent in the previous quarter. This increase was driven by increases in the Restaurant and mobile food service activities index (5.2%) and Beverage service activities (3.1%). The Transportation index increased by 3.8 per cent, up from 2.2 per cent in the previous quarter, mainly due to a 6.4 per cent rise in the Passenger Air Transport index. The Education also recorded an increase of 1.9 per cent, compared to a 1.5 per cent increase in the previous quarter, supported by Secondary Education (1.7%) and Higher Education (1.5%). Other indices that registered increases were Arts, entertainment & recreation (1.6%), Health (1.5%), Professional (1.0%) and Real estate activities (0.6%)."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added that, "Meanwhile, the Information & communication index recorded a marginal increase of 0.1 per cent, rebounding from a 0.1 per cent decline in the fourth quarter of 2025, due to the Computer programming, consultancy and related activities index (0.8%)."

The Chief Statistician Malaysia further elaborated that, "On a quarter-on-quarter basis, the SPPI increased by 1.4 per cent, from a 0.3 per cent increase in the previous quarter. This increase was mainly contributed by Arts, entertainment & recreation index (6.3%) and Accommodation and food & beverage service activities (3.5%). Other contributing sectors included were Transportation (1.6%), Education (1.1%), Health (1.0%) and Professional (0.8%). Meanwhile, Real estate activities and

Information & communication indices recorded marginal increases of 0.4 per cent and 0.2 per cent, respectively.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Table 1: Services Producer Price Index, First Quarter of 2026

Subsector	Index			Percentage Change (%)	
	Q1 2025	Q4 2025	Q1 2026	Q1 2026/ Q4 2025	Q1 2026/ Q1 2025
TOTAL	116.5	117.3	119.0	1.4	2.1
Transportation	107.8	110.1	111.9	1.6	3.8
Accommodation and food & beverage service activities	158.9	162.3	167.9	3.5	5.7
Information & communication	101.0	100.9	101.1	0.2	0.1
Real estate activities	127.8	128.1	128.6	0.4	0.6
Professional	105.1	105.4	106.2	0.8	1.0
Education	120.1	121.1	122.4	1.1	1.9
Health	108.6	109.1	110.2	1.0	1.5
Arts, entertainment & recreation	116.0	110.8	117.8	6.3	1.6

Chart 1: Quarterly Services Producer Price Index, Q1 2023 – Q1 2026



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
7 MAY 2026